

09 MAR 2002

Mahathir-Sahoca (Bergambar)/I  
DR MAHATHIR JUMPA RAKAN SEKOLEJ

PUTRAJAYA, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini meluangkan masa lebih dua jam untuk beramah mesra dengan anggota Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (Sahoca) di Seri Perdana.

Kira-kira 400 orang bekas pelajar yang diringi anggota keluarga masing-masing, hadir pada perjumpaan itu.

Dr Mahathir adalah presiden persatuan berkenaan.

Dalam ucapannya yang agak melucukan pada pada majlis itu, Perdana Menteri berkata beliau gembira dapat berjumpa rakan-rakan lama walaupun ada antara mereka tidak dapat dicam kerana tua.

"Saya banyak berjumpa anggota Sahoca dalam perkhidmatan awam tetapi saya agak kecewa dan rasa keseorangan kerana tidak ramai anak Kedah berada dalam sektor swasta atau syarikat-syarikat di Kuala Lumpur," katanya.

Secara berjenaka, beliau berkata anak-anak Kedah tidak harus memikirkan Kedah sahaja satu-satunya tempat di dunia dan tempat yang terbaik kerana mereka patut berhijrah ke tempat lain seperti Kuala Lumpur.

"Tolonglah datang dan bekerja di sini... kebanyakan pegawai kerajaan berasal dari Kelantan, tetapi kita mahu wakil dari semua negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mahu lebih ramai anak Kedah bercita-cita lebih besar dan berhijrah dari negeri itu.

"Malah dalam politik, saya mahu melihat lebih ramai lagi orang Kedah tetapi bila saya kata masuk politik, bukan bermakna masuk PAS, masuk Ummolah," katanya.

Beliau juga bercakap mengenai fenomena baru di negara ini apabila wanita nampaknya lebih banyak mendapat kerja yang lebih baik dalam kerajaan.

"Saya gembira melihat wanita lebih serius dalam kerja mereka, saya kini banyak bergantung kepada mereka," katanya.

Menceritakan pengalamannya melawat Antartika baru-baru ini, Dr Mahathir berkata semua benda termasuk rambutpun beku di sana.

"Kami terpaksa memakai enam lapis pakaian tetapi isteri saya ada bersama untuk tolong memanaskan, begitu juga tiga orang menteri yang turut serta...tetapi tiada peluang untuk menambah isteri kerana hanya ada penguin dan singa laut di Antartika," katanya.

Menurutnya walaupun beliau melawat Antartika semasa kawasan itu mengalami musim panas, namun ia masih terlalu sejuk.

Dr Mahathir berkata rombongan Malaysia terpaksa mengharungi laut bergelora dengan ombak yang mencapai ketinggian sehingga 50 kaki, untuk ke sana.

"Saya selamat, ia merupakan pengembaraan yang menarik...ia mengajar tentang ketidakstabilan dan ertinya," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SR MUN HS MOZ